



■ MOHD SANI MORNI

## Pesilat Turki bersikap 'merendah diri'

BARISAN pesilat Turki menjalani latihan enam bulan sebagai persiapan menghadapi Kejuaraan Silat Sedunia di Stadium Negara.

Walaupun Turki mengenali silat sejak 17 tahun lalu dan menjalani latihan persiapan rapi, mereka mengambil sikap merendah diri mengenal harapan mereka memenangi beberapa acara yang dipertandingkan.

Mereka membayangkan saingan lebih hebat daripada negara-negara Asia kali ini walaupun negara Eropah seperti Belanda mempersembahkan pencapaian cemerlang dalam kejuaraan lalu di Vienna.

"Kami mungkin sukar menandingi pesilat-pesilat Asia tetapi mereka jangan terlalu yakin kerana kami bersedia menyekat mereka," kata pengurus pasukan, Yilmaz Aydin, menerusi penterjemahnya Senol Tali.

Yilmaz, 33, turut mengambil bahagian dalam kejuaraan ini. Begitu juga dengan Senol, 18, yang

## Masa depan seni silat dibincang

28 NOV 1987

B. Harlan (M)

SEPULUH kertas kerja mengenai masa depan dan perkembangan seni silat olahraga akan dibentangkan dalam Seminar Silat di Arkib Negara pada jam 9 pagi, 5 Disember ini.

Seminar sehari itu dibuka kepada orang ramai yang berminat untuk mengetahui perkembangan silat olahraga di peringkat antarabangsa.

Dalam seminar berkenaan beberapa persoalan mengenai masa depan seni silat akan dibincang dan beberapa rumusan dijangka turut dibuat untuk meluaskan lagi perkembangannya.

Antara kertas kerja akan dibentangkan ialah "Silat Olahraga dalam Konteks Kecergasan Kesihatan dan Keselamatan", "Perkembangan Seni Silat Melayu di Eropah" dan "Sejarah serta Perkembangan Seni Silat - Cabaran Masa Kini".

Turut serta dalam seminar itu ialah wakil-wakil pertubuhan silat dunia dan wakil daripada pertubuhan silat institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negeri.

■ BEBERAPA wartawan sukan luar negeri dijangka turut menjadi pemerhati Kejuaraan Silat Sedunia di Stadium Negara pada 2 hingga 9 Disember ini.

Sebahagian daripada mereka telahpun berada di Kuala Lumpur untuk menyaksikan beberapa kejohanan sukan peringkat antarabangsa yang sedang dan akan berlangsung bulan depan.

"Kehadiran mereka diharap memperhebatkan lagi perkembangan seni silat olahraga di luar negeri apabila pulang ke negara masing-masing," kata pengerusi Jawatankuasa penganjur kejuaraan itu, Aziz Deraman.

Menurut beliau, Kuala Lumpur ketika ini menjadi tumpuan wartawan sukan luar negeri yang membuat liputan kejohanan sepaktakraw antarabangsa.

Mereka dijangka berada lebih lama di negara ini untuk menyaksikan Kejuaraan Silat Sedunia yang pertama kali diadakan di Malaysia di samping Pestabola Merdeka.

Terdahulu, Menteri Kebudayaan

